



Penyelamat menyiram air ke atas paus yang terdampar dalam usaha menyelamatkan mamalia berkenaan di pantai barat Tasmania, kelmarin. (Foto AP)

200 paus mati di pantai Tasmania

BH 23/9/2022 ms: 29

Hobart: Sebanyak 200 daripada 230 paus mati selepas terdampar di pantai barat Tasmania yang berbatu dan bercerangah, kata penyelamat Australia.

"Hanya 35 daripada jumlah keseluruhan mamalia yang ditemui di pantai sehari sebelumnya masih hidup," kata Pengurus Operasi Perkhidmatan Hidupan Liar Asutralia, Brendon Clark, kepada wartawan di tempat kejadian.

Imej dari udara mendedahkan beratus mamalia hitam berkilat terdampar di Ocean Beach.

"Kita mendapati kira-kira 35 paus yang masih hidup di pantai dan tumpuan utama pagi ini (kelmarin) adalah untuk menyelamatkan dan membebaskan ikan ini.

"Malangnya kita mempunyai

bilangan kematian ikan paus yang tinggi. Ini kebanyakannya disebabkan oleh keadaan terdedah di Ocean Beach," tambahnya.

"Keadaan alam sekitar, ombak di luar sana di pantai barat yang terdedah di Ocean Beach pastinya memberi kesan kepada haiwan berkenaan," kata Clark, yang menguruskan kejadian itu.

Penduduk tempatan turut membantu menutup ikan paus dengan selimut dan menyiram mereka dengan baldi air untuk memastikan mereka hidup selepas mereka ditemui di pantai.

Dua tahun lalu, hampir 500 paus pandu terdampar berhampiran Pelabuhan Macquarie dengan lebih daripada 300 haiwan itu mati, walaupun usaha berpuluh-

puluh sukarelawan yang bekerja keras selama berhari-hari di perairan Tasmania untuk membebaskan mereka.

Tumpu operasi penyelamat

Clark berkata, keadaan terbaru mamalia itu terdampar adalah lebih sukar berbanding dua tahun lalu, kerana haiwan itu berada di 'perairan yang lebih terlindung'.

Pasukan penyelamat juga bekerja keras mengenal pasti mana yang mempunyai peluang terbaik untuk hidup.

"Tumpuan adalah pada operasi menyelamatkan dan melepaskan. Punca terkandas besar-besaran masih belum difahami sepenuhnya," katanya.

Ikan paus yang boleh membesar sehingga lebih daripada enam

meter panjang - sangat mudah bergaul dan boleh mengikut kawanan yang tersesat.

Itu kadangkala berlaku apabila haiwan tua, sakit atau cedera berenang ke darat dan ahli kawanan lain mengikut, cuba bertindak balas kepada isyarat keceemasan paus yang terperangkap.

Yang lain percaya pantai yang landai seperti yang terdapat di Tasmania mengelirukan sonar ikan paus membuatkan mereka menyangka mereka berada di perairan terbuka.

"Kematian ikan paus muda itu mungkin satu kes 'kecelakaan'," kata pakar biologi hidupan liar, Kris Carlyon dari agensi pemuliharaan kerajaan negeri membeberitahu akhbar *Mercury* tempatan.

AFP